PP

lwn.

NOORDIN ABU BAKAR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
VERNON ONG LAM KIAT PK
[RAYUAN JENAYAH NO: MT(1) 42-21-2005]
29 APRIL 2008

PENGKHIDMAT AWAM: *Kesalahan jenayah - Rasuah - Menerima suapan dalam bentuk wang ringgit - Sama ada kes prima facie terbukti - Sama ada beban pembuktian yang digunapakai oleh hakim mahkamah sesyen adalah betul - Sama ada bukti cukup untuk campur tangan dengan keputusan hakim mahkamah sesyen - Akta Pencegahan Rasuah 1997, ss. 10(a)(bb), 11(a), 16, 42(1)*

Rayuan ini adalah terhadap keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mengenai tiga pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh iaitu (1) bahawa pada 1 Disember 2001, tertuduh sebagai seorang ejen kepada badan awam, iaitu Anggota Polis di Polis Diraja Malaysia telah secara rasuah meminta bagi diri beliau satu suapan iaitu RM1,000 daripada satu Tay Soa Eng sebagai satu dorongan untuk beliau tidak mengambil tindakan ke atas Tay Soa Eng yang didapati menjual mercun, dan dengan itu telah melakukan kesalahan di bawah s. 10(a)(bb) Akta Pencegahan Rasuah 1997; (ii) bahawa pada 1 Disember 2001 tertuduh sebagai seorang ejen kepada badan awam telah secara rasuah memperoleh bagi dirinya satu suapan iaitu wang RM500 daripada Tay Soa Eng dan telah melakukan kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan (iii) bahawa tertuduh pada 12 Januari 2002 sebagai seorang ejen kepada badan awam telah memperolehi bagi tertuduh sendiri suatu suapan iaitu wang RM500 daripada Tay Soa Eng sebagai satu dorongan untuk beliau melakukan suatu perkara yang berhubungan dengan hal ehwal prinsipal beliau iaitu tidak mengambil tindakan ke atas Tay Soa Eng yang didapati menjual mercun, dan dengan itu telah melakukan kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang boleh dihukum di bawah s. 16 Akta yang sama. Setelah mendengar keterangan saksi-saksi pendakwaan dan meneliti penghujahan kedua-dua pihak, HMS telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* atas pertuduhan pertama dan kedua. Oleh yang demikian, tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk memasukkan

pembelaannya. Rayuan terhadap keputusan HMS tersebut telah dibuat oleh pihak pendakwaraya. Manakala, bagi pertuduhan ketiga, HMS telah mendapati bahawa anggapan di bawah s. 42 Akta Pencegah Rasuah 1976 ('APR') telah dibuktikan dan tertuduh telah dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan denda RM10,000, tidak bayar enam bulan penjara. Rayuan tertuduh adalah terhadap keputusan HMS ke atas kesabitan dan hukuman.

Diputuskan (menolak rayuan tertuduh):

(1) Setelah membaca alasan-alasan penghakiman HMS atas pertuduhan pertama dan kedua dan setelah mengambilkira keterangan pendakwaan ke tahap penilaian maksima, didapati keterangan pengadu Tay Soa Eng (SP1) tersendiri telah gagal untuk membuktikan elemen pertama ke tahap *prima facie*. Anggapan di bawah s. 42(1)APR tidak timbul sama sekali. Maka, tiada bukti yang cukup bagi mencampur tangan dengan keputusan HMS. Oleh itu, rayuan pihak pendakwaraya adalah ditolak. (perenggan 16)

(2) Bagi pertuduhan ketiga pula, keterangan SP1 telah disokong oleh keterangan berasingan SP3, SP4, SP6 dan SP9. Bertambah pula dengan wang perangkap yang dijumpai di dalam poket seluar tertuduh, bukti adalah jelas. Keterangan seorang tidak berupaya menolak keterangan SP1, SP3, SP4 dan SP6, penemuan wang perangkap pada tertuduh serta keterangan saksi bebas SP9 dalam membuktikan kesalahan tertuduh. (perenggan 29)

(3) Selepas anggapan di bawah s. 42(1) APR terpakai, beban tertuduh untuk mematahkan anggapan adalah ke tahap imbangan kebarangkalian. Beban ini adalah lebih berat daripada beban untuk menimbulkan keraguan munasabah tetapi adalah lebih ringan daripada beban pihak pendakwaan untuk membuktikan kes hingga tiada keraguan munasabah. Setelah meneliti alasan-alasan penghakiman, mahkamah ini berpendapat bahawa di dalam penelitian dan penilaian kes pembelaan beban pembuktian yang digunapakai oleh HMS adalah beban yang betul. (perenggan 30)

(4) Tertuduh telah gagal untuk menimbulkan keraguan ke atas anggapan di bawah s. 42(1) APR ke tahap yang diperlukan. Tiada bukti yang cukup bagi mencampur tangan dengan keputusan HMS terhadap kesabitan bagi pertuduhan ketiga. Hukuman penjara enam bulan dan denda RM10,000 adalah betul dan tidak eksesif selaras dengan s. 16 APR. (perenggan 31)

Kes-kes yang dirujuk:
Attan Abd Ghani v. PP [1970] 2 MLJ 143 ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mohamed Moktar v. PP [1972] 1 MLJ 122 ***(dirujuk)***
PP v. Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2000] 3 CLJ 162 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 3 MLJ 401 ***(dirujuk)***
PP v. Mok Kar Poh [2001] 5 CLJ 206 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89 ***(dirujuk)***
Shaiful Idzam Sulaiman v. PP [2004] 2 CLJ 121 HC ***(dirujuk)***
Thavanathan v. PP [1997] 2 MLJ 421 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Corruption Act 1976, ss. 11(a), 42(1)

Bagi pihak perayu - Saiful Hazmi TPR
Bagi pihak responden - En Rosli; T/n Rosli Kamaruddin & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Vernon Ong Lam Kiat PK:

[1] Rayuan ini adalah terhadap keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') pada 6 Oktober 2005 mengenai tiga pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh. Pertuduhan-pertuduhan adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 1/12/2001, jam lebih kurang 8.30 malam, di Pasar Malam Taman Ungku Tun Aminah, Skudai di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, sebagai seorang ejen kepada badan awam, iaitu, Anggota Polis di Polis Diraja Malaysia telah secara rasuah meminta bagi diri kamu suatu suapan, iaitu wang RM1000.00 daripada TAY SOA ENG (K/P: 570726-01-6146) sebagai satu dorongan untuk kamu melakukan suatu

perkara yang dengannya iaitu untuk tidak mengambil tindakan ke atas TAY SOA ENG yang didapati menjual mercun, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 10(a)(bb) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 1/12/2001, jam lebih kurang 8.30 malam, di Pasar Malam Taman Ungku Tun Aminah, Skudai di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, sebagai seorang ejen kepada badan awam, iaitu, Anggota Polis di Polis Diraja Malaysia telah secara rasuah memperoleh bagi diri kamu suatu suapan, iaitu wang RM500.00 daripada TAY SOA ENG (K/P: 570726-01-6146) sebagai suatu dorongan bagi untuk kamu melakukan suatu perkara yang berhubungan dengan hal ehwal principal kamu iaitu untuk tidak mengambil tindakan ke atas TAY SOA ENG yang didapati menjual mercun, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 12/1/2002, jam lebih kurang 10.00 malam, di Pasar Malam Taman Ungku Tun Aminah, Skudai di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, sebagai seorang ejen kepada badan awam, iaitu Anggota Polis di Polis Diraja Malaysia telah secara rasuah memperoleh bagi diri kamu sendiri suatu suapan, iaitu wang RM500.00 daripada TAY SOA ENG (K/P:570726-01-6146) sebagai satu dorongan untuk kamu melakukan suatu perkara yang berhubungan dengan hal-ehwal prinsipal kamu iaitu untuk tidak mengambil tindakan ke atas TAY SOA ENG yang didapati menjual mercun, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

Rayuan Pihak Pendakwa Raya

[2] Setelah mendengar keterangan saksi-saksi pendakwaan dan meneliti penghujahan kedua-dua pihak, HMS telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* atas pertuduhan pertama dan kedua. Oleh yang demikian, tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk memasukkan pembelaannya. Rayuan terhadap keputusan HMS tersebut telah dibuat oleh pihak Pendakwa Raya.

Rayuan Tertuduh

[3] Manakala, bagi pertuduhan ketiga, HMS telah mendapati bahawa anggapan di bawah s. 42 Akta Pencegah Rasuah 1976 ('APR') telah dibuktikan dan tertuduh telah dipanggil untuk membela diri. Setelah mendengar keterangan tertuduh HMS mendapati bahawa tertuduh telah gagal untuk mematahkan anggapan tersebut dan didapati salah dan disabitkan atas pertuduhan ketiga. Tertuduh telah di jatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan denda RM10,000, tidak bayar enam bulan penjara. Rayuan tertuduh adalah terhadap keputusan HMS ke atas kesabitan dan hukuman.

Fakta Kes

[4] Menurut fakta kes pendakwaan pada 1 Disember 2002, pengadu Tay Soa Eng (SP1) sedang menjalankan perniagaan di pasar malam Taman Tunku Ungku Tun Aminah, Skudai, Johor menjual perhiasan wanita dan mercun pop-pop dan bunga api. Tertuduh seorang anggota polis telah datang ke tempat perniagaan SP1 dan membuat pemeriksaan. Tertuduh telah menjumpai bunga api dan mercun pada van SP1. Tertuduh memberitahu SP1 bahawa barangan akan dirampas dan beliau akan di bawa ke balai polis dan boleh dikenakan denda RM2,000. SP1 merayu kepada tertuduh agar tindakan tidak diambil terhadapnya. Tertuduh telah menawarkan SP1 untuk memberinya RM1,000 bagi menyelesaikan kes tersebut. Tetapi SP1 meminta dikurangkan kepada RM500. SP1 kemudiannya membungkuskan RM500 berserta bunga api dengan surat khabar lalu memberikannya kepada tertuduh dengan dicatitkan nombor telefon SP1. Tertuduh memberitahu bahawa beliau akan datang untuk mengambil baki RM500 lagi lalu menghilangkan diri.

[5] Pada 8 Disember 2001 jam lebih kurang 8 malam, tertuduh sekali lagi datang berjumpa SP1 dan meminta baki wang RM500 tetapi SP1 tidak memberikannya. Pada 5 Januari 2002 tertuduh datang lagi untuk meminta wang tersebut tetapi tidak diberikan oleh SP1. Tertuduh memaklumkan bahawa beliau akan datang semula dalam masa satu minggu. Pada 7 Januari 2002 SP1 telah membuat laporan kepada pihak BPR di mana pada 12 Januari 2002 satu perangkap diatur untuk menangkap tertuduh semasa penyerahan wang perangkap RM500 dibuat. Pada 12 Januari 2002 tertuduh telah ditangkap oleh pihak BPR di mana wang perangkap ditemui pada tertuduh.

A **Beban Pembuktian**

[6] Di dalam kes jenayah, beban pembuktian adalah pada standard *prima facie* di akhir kes pendakwaan. Bagi mematuhi standard tersebut, pihak pendakwaan haruslah mengemukakan
B bukti-bukti credible yang tertuduh telah melakukan kesalahan-kesalahan seperti dituduhnya. Di *PP v. Mok Kar Poh* [2001] 5 CLJ 206 Hakim Zainun Ali berkata:

> As had been postulated in several authorities, a *prima facie* case though not conclusive is a case which is sufficient to call for an
C answer. It is also recurrent in all these authorities that although not conclusive, it is incumbent that there be credible evidence on each and every ingredient of the offence.
>
> As had been further emphasized in *PP v. Ong Cheng Heong* [1998] 4 CLJ 209, credible evidence is evidence which has been filtered
D and which has gone through the process of evaluation.

[7] Disamping itu adalah perlu diingati tentang tugas seorang hakim yang menghakimi perbicaraan secara individu untuk menentukan pada akhir kes pendakwaan, sebagai pencuba fakta
E sama ada pendakwaan telah mewujudkan satu kes *prima facie*. Beliau mestilah mengambil kira keterangan pendakwaan ke tahap penilaian maksima dan mempersoalkan dirinya sama ada beliau bersedia untuk memasukkan pembelaan. Jika jawapan kepada soalan itu adalah negatif, dengan itu tiada kes *prima facie* boleh
F diwujudkan dan tertuduh berhak dibebaskan. Tiada beban atas pendakwaan untuk membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah pada akhir kes pendakwaan. Sama ada ia telah dibuat, adalah persoalan yang akan diuruskan di akhir kesuluruhan kes. (lihat *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734).

G **Pertuduhan Pertama Dan Kedua**

[8] Di dalam pertuduhan pertama di bawah s. 10(a)(bb) APR di mana s. 42 terpakai, beban adalah ke atas pihak pendakwaan untuk membuktikan dua elemen-elemen kesalahan, iaitu:
H

(1) Tertuduh telah meminta suatu suapan daripada pengadu SP1; dan

(2) Semasa permintaan dibuat, tertuduh adalah seorang agen
I kepada badan awam.

Setelah kedua-dua elemen-elemen tersebut dapat dibuktikan pihak pendakwaan, elemen ketiga, ia itu, (3) bahawa suapan yang di minta oleh tertuduh daripada SP1 secara rasuah sebagai dorongan agar tindakan tidak diambil berkenaan dengannya badan awam yang terlibat "melainkan jika akasnya dibuktikan."

[9] Di dalam pertuduhan kedua di bawah s. 11(a) APR di mana s. 42 juga terpakai, beban adalah ke atas pihak pendakwaan untuk membuktikan dua elemen-elemen kesalahan, iaitu:

(1) Tertuduh telah memperolehi suatu suapan daripada pengadu SP1; dan

(2) Semasa memperolehan dibuat tertuduh adalah seorang agen kepada badan awam.

Setelah kedua-dua elemen-elemen tersebut dapat dibuktikan pihak pendakwaan, elemen ketiga, iaitu, (3) bahawa suapan yang di perolehi oleh tertuduh daripada SP1 secara rasuah sebagai dorongan agar tindakan tidak diambil berkenaan dengannya badan awam yang terlibat "melainkan jika akasnya dibuktikan."

[10] HMS telah mendapati bahawa menurut keterangan SP1 pada 1 Disember 2001 tertuduh telah meminta wang sebanyak RM1,000 daripada SP1 sebagai dorongan agar tindakan tidak diambil ke atas SP1. Kemudian, SP1 telah menyerahkan wang sebanyak RM500 kepada tertuduh. Walaubagaimana pun, HMS berpendapat bahawa tiada bukti sokongan yang lain dapat menyokong dan menguatkan elemen ini. Tiada rakaman perbualan diambil di antara SP1 dengan tertuduh. Pihak pendakwaan juga telah gagal untuk mengemukakan (i) bungkusan surat khabar yang mana menurut SP1 ia telah membungkus bunga api dan mercun pop-pop pada tertuduh dan di atasnya tertulis nombor talipon beliau dan diserahkan pada tertuduh dan (ii) wang tunai RM500 tersebut.

[11] Menurut pihak pendakwaan, SP1 adalah saksi yang kompetent. Bilangan saksi adalah tidak penting dalam membuktikan sesuatu kes (s. 134, Akta Keterangan 1950 dirujuk). Tambahan pula s. 44 APR menyatakan bahawa seseorang saksi tidak boleh dianggap sebagai seorang 'accomplice' hanya semata-mata beliau telah menyerahkan suapan kepada tertuduh. Kes *Shaiful Idzam Sulaiman v. PP* [2004] 2 CLJ 121 juga dirujuk oleh pihak pendakwaan.

[12] Pihak pendakwaan juga berhujah bahawa tiada peruntukan undang-undang yang menghendaki dibuat rakaman perbualan. Mengenai surat khabar yang di berikan SP1 kepada tertuduh pada 1 Disember 2001, pihak pendakwaan berhujah bahawa tidak memungkinkan ianya dapat ditemui semula pada tertuduh oleh kerana tertuduh hanya ditangkap pada 12 Januari 2002. Tambahan pula, surat khabar tidak membawa apa-apa makna kepada kesalahan rasuah yang melibatkan wang tunai. Wang tunai RM500 yang dikatakan diperolehi oleh tertuduh merupakan 'past payment' dan tertuduh tidak dapat ditangkap dengan serta merta. Oleh demikian, wang tersebut tidak dapat ditemui semula.

[13] Pihak pendakwaan juga berhujah bahawa apabila wang telah berpindah tangan maka anggapan di bawah s. 42 APR terpakai dimana (i) wang yang diminta oleh tertuduh adalah dianggap diminta secara rasuah dan (ii) wang RM500 yang telah diserahkan pada 1 Disember 2001 adalah wang rasuah. Pihak pendakwaan bertambah pula bahawa pertuduhan pertama dan kedua adalah berkaitan dengan pertuduhan ketiga yang wajar pembelaan dipanggil ke atas tertuduh memandangkan pemakaian kes di atas keterangan SP1 dan keterangan keadaan dapat membuktikan tertuduh meminta RM1,000 dan telah menerima RM500. Kes-kes *Thavanathan v. PP* [1997] 2 MLJ 421 dan *Attan Abd Ghani v. PP* [1970] 2 MLJ 143 dirujuk bagi menyokong hujahan tersebut.

[14] Untuk menentukan sama ada pendakwaan telah mewujudkan satu kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan, fakta yang relevan untuk pertimbangan ialah sama ada keterangan SP1 boleh digunapakai tersendiri. Jika boleh, maka anggapan di bawah s. 42 APR adalah terpakai dan tertuduh hendaklah dipanggil untuk membela diri. Menurut keterangan SP1 pada 1 Disember 2001 tertuduh telah meminta RM1,000 daripada SP1 agar tindakan tidak diambil terhadapnya. SP1 meminta dikurangkan kepada RM500 dan telah memberikan RM500 kepada tertuduh. Saksi pendakwaan kelapan SP8 yang bertugas bersama-sama tertuduh pada masa material ada nampak tertuduh bercakap dengan SP1 tetapi tidak tahu apa yang dibincangkan oleh kedua-duanya. Selain daripada itu tidak ada apa-apa keterangan lain untuk menyokong keterangan SP1. Adalah nyata bahawa SP1 hanya membuat laporan kepada pihak BPR pada 7 Januari 2002, iaitu 37 hari selepas tarikh kejadian. Kelewatan selama 37 hari adalah relevan oleh kerana ia boleh menimbul inferen bahawa pada masa material SP1 adalah

seorang rakan sejenayah dalam kesalahan tersebut. SP1 tidak memberi alasan tentang kelewatan beliau membuat laporan kepada pihak BPR.

[15] Oleh yang demikian, bagi mewujudkan satu kes *prima facie*, pihak pendakwaan hendaklah mengemukakan keterangan berasingan bagi menyokong keterangan SP1. Kesimpulan prinsip-prinsip bagi keperluan keterangan berasingan ('corroboration') adalah seperti dilafazkan oleh Sharma J, di *Attan bin Abdul Ghani v. Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143:

> It would be impossible, indeed it would be dangerous, to formulate the kind of evidence which should, or would, be regarded as corroboration. Its nature and extent must necessarily vary with the circumstances of each case and also according to the particular circumstances of the offence charged. But to this extent the rules are clear:
>
> (1) it is necessary that there should be independent confirmation of every material circumstance in the sense that the independent evidence in the case, apart from the testimony of the complainant or the accomplice, should in itself be sufficient to sustain conviction. All that is required is that there must be some additional evidence rendering it probable that the story of the accomplice (or complainant) is true and that it is reasonably safe to act upon it.
>
> (2) The independent evidence must not only make it safe to believe that the crime was committed but must in some other way reasonably connect or tend to connect the accused with it by confirming in some material particular the testimony of the accomplice or complainant that the accused committed the crime.
>
> (3) The corroboration must come from independent sources and thus ordinarily the testimony of one accomplice would not be sufficient to corroborate that of another.
>
> (4) The corroboration need not be direct evidence that the accused committed the crime. It is sufficient if it is merely circumstantial evidence of his connection with the crime.
>
> (5) Corroboration must be in material particulars but is not necessarily that the whole prosecution story or all material particulars should be corroborated.

A (6) Corroborative evidence required for accepting the evidence of an accomplice need not by itself conclusively establish the guilt of the accused. It is sufficient if it is a piece of circumstantial evidence which tends to connect the accused with the crime with which he is charged.

B **[16]** Setelah membaca alasan-alasan penghakiman HMS atas pertuduhan pertama dan kedua dan setelah mengambil kira keterangan pendakwaan ketahap penilaian maksima, Mahkamah berpendapat bahawa keterangan SP1 tersendiri telah gagal untuk membuktikan elemen pertama ke tahap *prima facie*. Oleh yang
C demikian anggapan dibawah s. 42(1) APR tidak timbul sama sekali. Maka, mahkamah berpendapat bahawa tidak ada bukti yang cukup bagi mencampur tangan dengan keputusan HMS. Maka, rayuan pihak Pendakwa Raya adalah ditolak.

D **Pertuduhan Ketiga**

[17] Di dalam pertuduhan ketiga di bawah s. 11(a) APR dimana s. 42 juga terpakai, beban adalah ke atas pihak pendakwaan untuk membuktikan dua elemen-elemen kesalahan, iaitu:

E (1) Tertuduh telah memperolehi suatu suapan daripada pengadu SP1; dan

(2) Semasa memperolehian dibuat tertuduh adalah seorang agen kepada badan awam.

F **[18]** Setelah kedua-dua elemen-elemen tersebut dapat dibuktikan pihak pendakwaan, elemen ketiga, iaitu, (3) bahawa suapan yang di perolehi oleh tertuduh daripada SP1 secara rasuah sebagai dorongan agar tindakan tidak diambil berkenaan dengannya badan
G awam yang terlibat "melainkan jika akasnya dibuktikan."

[19] Pada 12 Januari 2002 lebih kurang 9:45-9:50 malam, saksi pendakwaan SP4 telah diberi tugas bagi menyaksikan penyerahan wang perangkap oleh SP1 kepada tertuduh. SP4 nampak tertuduh datang berjumpa dengan SP1. Ia nampak SP1 menyerahkan
H sesuatu benda kepada tertuduh. Setelah SP1 menyerahkan benda itu kepada tertuduh, tertuduh telah memasukkan benda yang di berikan SP1 ke dalam poket seluarnya. Setelah penyerahan wang berlaku SP4 nampak SP1 memberi isyarat. Apabila nampak isyarat SP4 telah pergi ke tempat tertuduh dan memperkenalkan diri
I sebagai pegawai BPR dan mengarahkan agar tertuduh mengeluarkan barang daripada dalam poket seluarnya.

[20] Tertuduh telah mengeluarkan wang daripada poket beliau dan menyerahkannya kepada SP4. SP4 menyemak senarai nombor wang yang dirampas dengan senarai wang bertanda (eks. P3). Semasa membuat semakan itu SP4 dibantu oleh SP6. Setelah semakan dibuat didapati note RM100 yang dijumpai daripada poket seluar tertuduh nombor sirinya sama dengan senarai wang bertanda. Setelah itu tertuduh ditangkap dan dibawa ke pejabat BPR Johor Bahru untuk siasatan lanjut.

Pembelaan Tertuduh

[21] Di dalam kes pembelaan tertuduh telah memberi keterangan. Tiada saksi-saksi lain dipanggil untuk memberi keterangan. Menurut tertuduh wang perangkap RM500 (P4) diserahkan oleh SP1 kepadanya dibungkus dengan surat khabar. Semasa tangkapan dibuat bungkusan surat khabar tersebut berada di tangan tertuduh dan bukannya berada di dalam poket beliau. Bungkusan itu diberikan oleh SP1 untuk disampaikan kepada seorang bernama 'Tuan Man' dan bukan kepada beliau.

Rayuan Tertuduh

[22] Peguambela tertuduh telah mengemukakan alasan-alasan berikut, pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh bukanlah semata-mata 'bare denial' tetapi keterangan bersumpah yang menyatakan alasan kenapa eksibit wang yang dikatakan pada masa itu dibalut surat khabar berada pada tertuduh. Tertuduh telah menjelaskan sebaik sahaja dia memegang bungkusan yang di hulur oleh SP1 bagi mengetahui apakah barang yang di hulurkan itu pada masa yang sama beliau telah ditahan oleh BPR. Tertuduh juga menjelaskan bahawa beliau tiada mengetahui apakah kandungan pada masa itu dalam balutan surat khabar.

[23] Dalam keterangan tertuduh mengatakan bahawa wang diserahkan oleh SP1 kepadanya dibungkus dengan surat khabar. Semasa tangkapan dibuat bungkusan surat khabar berada di tangan tertuduh dan bukannya berada di poket beliau. Bungkusan itu diberikan oleh SP1 padanya untuk disampaikan kepada 'Tuan Man' dan bukan kepada beliau.

[24] Versi tertuduh juga adalah suatu kesinambungan (continuity) kepada kes pendakwaan sendiri kerana keterangan tentang orang yang bernama 'Man' telah wujud dalam kes pendakwaan lagi. Keterangan lisan SP1 dan laporan P2 menyebut tentang 'Man' yang tidak diketahui siapa sehingga kes ditutup.

[25] Sebutan nama "Man' di dalam aduan (P2) dan di dalam keterangan SP1 telah di perhatikan HMS. HMS berpendapat bahawa semasa saksi pendakwaan memberi keterangan pihak pembelaan tidak pernah mencabar kewujudan Tuan Man dan siapa itu Tuan Man. Selepas meneliti keseluruhan keterangan pendakwaan dan pembelaan HMS berpendapat bahawa adalah jelas bahawa Tuan Man adalah tertuduh. Ini adalah kerana SP1 telah mengesahkan bahawa tertuduhlah orang yang datang meminta wang daripada beliau semasa ia berniaga di gerai kira-kira dua minggu sebelum tarikh kejadian. Pada tarikh kejadian SP1 telah mengesahkan dan mengecam tertuduh di mahkamah sebagai orang yang meminta wang daripada beliau dan orang yang menerima wang sebanyak RM500 daripada beliau pada 12 Januari 2002. Oleh yang demikian HMS berpendapat bahawa tidak timbul keraguan dari segi identiti tertuduh kerana SP1 dapat mengecamnya dengan jelas dan terang.

[26] Tambahan pula, menurut SP1 tertuduh telah menelefon SP1 pada 7 Disember 2001. Tertuduh memberitahu beliau akan datang ke tempat perniagaan SP1 untuk mengambil wang RM500 pada 8 Disember 2001. Pada 8 Disember 2001 tertuduh datang ke tempat perniagaan SP1 tetapi tidak diberikan wang. Kemudian tertuduh kembali pada 5 Januari 2002 dan tidak diberikan wang. Pada 7 Januari 2002 SP1 telah membuat laporan kepada BPR di mana satu perangkap telah di atur.

[27] Adalah nyata bahawa tertuduh telah menghubungi SP1 melalui telefon sebanyak tiga kali, iaitu pada 3 Disember 2001, 5 Disember 2001 dan 7 Disember 2001. Perkara ini telah disahkan oleh SP9 seorang eksekutif Celcom. Keterangan SP9 tidak dicabar oleh tertuduh. Tertuduh tidak memberi keterangan bagi menjelaskan tujuan perhubungan talipon di antara beliau dengan SP1 pada tarikh-tarikh tersebut. Maka, ini menunjukkan bahawa ada perbincangan antara SP1 dan tertuduh sebelum tarikh kejadian.

[28] SP1 dikatakan menyatakan anggota polis beruniform dikenali sebagai 'Man' di dalam aduan P2. Tertuduh dalam pembelaan telah menyatakan bahawa semasa bungkusan diserahkan kepadanya SP1 berkata "Encik ini Tuan Man punya." Tertuduh bertanya kepada SP1 "ini apa barang" dan "siapa Tuan Man?". SP1 menjawab "itu ronda punya orang". Walaubagaimana pun, SP1 tidak ragu-ragu tentang identiti tertuduh. Tertuduh telah dicamkan oleh SP1. SP1

telah sahkan tertuduh telah bertemu dengan SP1 pada 1 Disember 2001, 8 Disember 2001, 5 Januari 2002, kesemua tiga kali sebelum tarikh kejadian. Selain daripada itu, tertuduh telah menelifon SP1 sebanyak tiga kali, iaitu pada 3 Disember 2001, 5 Disember 2001 dan 7 Januari 2002. Oleh yang demikian, isu identiti seorang "Man" adalah tidak menjadi sesuatu isu material kerana orang yang dimaksudkan adalah tertuduh sendiri. Penemuan-penemuan dan panggilan-panggilan talifon sebelum tarikh kejadian adalah proses menunjukkan perbuatan meminta dan memperolehi rasuah oleh tertuduh.

[29] Keterangan SP1 telah disokong oleh keterangan berasingan SP3, SP4, SP6 dan SP9. Bertambah pula dengan wang perangkap yang dijumpai di dalam poket seluar tertuduh, bukti adalah jelas. Keterangan seorang tidak berupaya menolak keterangan SP1, SP3, SP4 dan SP6, penemuan wang perangkap pada tertuduh serta keterangan saksi bebas SP9 dalam membuktikan kesalahan tertuduh. Di dalam kontek ini, apa yang diputuskan di *Mohamed Moktar v. PP* [1972] 1 MLJ 122, adalah berhubung kait:

> At the most he may be called a trap witness. The whole object of the Prevention of Corruption Act would be nullified if any public spirited person decided to go to the Anti-corruption Agency to tell them that a public officer had demanded a bribe from him and as a result of his information to the Anti-Corruption Agency a trap was set up against the officer in question by asking the member of the public to go and pay the bribe demanded to the said officer. Corroboration of the testimony of a trap witness is no doubt desirable and it is not safe to convict the accused in the absence of corroboration. I entirely accept that proposition. In this case, however, the evidence was so clearly against the accused that no court using the standards of any reasonable man could possibly come to any other inference except the clear guilt of the accused. The evidence discloses a long process of preparation for the commission of the offence.

[30] Di dalam kes ini sebaik sahaja anggapan dibawah s. 42(1) APR terpakai adalah menjadi beban tertuduh bagi mematahkan anggapan bahawa suapan itu telah diterima secara rasuah. Bagi berbuat demikian, adalah tanggungjawab pembelaan untuk memanggil saksi-saksi material. Di *PP v. Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401, mahkamah telah memutuskan bahawa:

A Generally, in a criminal trial, there is no burden on an accused to call witnesses (see *Goh Ah Yew v. PP* [1949] MLJ 150). Thus, no adverse inference can be drawn against the defence for a failure to call witnesses. However, such an inference may be drawn where there is an onus on the accused to prove an issue. (see
B *Baharom v. PP* [1960] MLJ 249). An onus may be placed on an accused in certain instances by statutory presumptions. The legal burden is then on the accused to negate the presumed fact. In order to discharge the burden, there will be an onus on the defence to call material witnesses (see *Liew Siew & Anor v. PP* [1969] 2 MLJ 232). Failure to do so will warrant the drawing of
C an adverse inference.

Selepas anggapan di bawah s. 42(1) APR terpakai beban tertuduh untuk mematahkan anggapan adalah ke tahap imbangan kebarangkalian. (lihat *PP v. Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89). Beban ini
D adalah lebih berat daripada beban untuk menimbulkan keraguan munasabah tetapi adalah lebih ringan daripada beban pihak pendakwaan untuk menbuktikan kes hingga tiada keraguan munasabah. (lihat *PP v. Ku Yahya bin Ku Bahari* [2000] 3 CLJ 162). Setelah meneliti alasan-alasan penghakiman saya berpendapat
E bahawa di dalam penelitian dan penilaian kes pembelaan beban pembuktian yang di guna pakai oleh HMS adalah beban yang betul.

[31] Setelah meneliti nota-nota keterangan dan alasan-alasan
F penghakiman HMS, saya berpendapat bahawa tertuduh telah gagal untuk menimbulkan keraguan ke atas anggapan dibawah s. 42(1) APR ke tahap yang diperlukan. Saya juga berpendapat bahawa tiada bukti yang cukup bagi mencampur tangan dengan keputusan HMS terhadap kesabitan bagi pertuduhan ketiga. Saya juga
G berpendapat bahawa hukuman penjara enam bulan dan denda RM10,000 adalah betul dan tidak eksesif selaras dengan s. 16 APR. Maka rayuan tertuduh adalah ditolak.

H

I